

Suara ASEAN perlu sepakat elak dibuli: PM

m/s 2

8/11/2019

Bersatu hadapi kesan, cabaran perang perdagangan kuasa besar ekonomi

Bangkok

Abdul Razak Raaf

raaffar@mediaprima.com.my



ASEAN perlu memiliki solidariti satu suara mewakili rantau ini bagi menyuarakan pandangan dalam menghadapi kesan serta cabaran perang perdagangan oleh kuasa besar ekonomi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kesepakatan suara dan pendirian ASEAN, tegas Perdana Menteri, adalah penting supaya negara anggota tidak mudah dibuli kuasa besar ekonomi.

"Apabila kita bergerak sendiri, umpamanya Malaysia (bergerak) sendiri, Thailand sendiri dalam forum antarabangsa, maka suara atau pandangan tidak kuat. Jika kita bersendirian, kita akan kena buli," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian pada sesi dialog Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2019 (ABIS) di Pusat Konvensyen dan Pameran IMPACT, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, kesepakatan suara ASEAN membawa pandangan 10 negara anggotanya, perlu untuk menjadikan

rantau ini lebih kuat, sekali gus didengar oleh kuasa ekonomi dunia dan negara maju.

"Menerusi kekuatan itu, ASEAN perlu bertindak sebagai satu entiti kesatuan serantau, bergerak sebagai satu organisasi serantau dengan kesepakatan jitu dalam mempersoalkan pelbagai isu di peringkat antarabangsa. ASEAN tidak boleh bergerak sendiri.

"Apabila kita bersama-sama dan memiliki satu suara, maka kita mempunyai sumber yang kuat dan ramai. Semua negara dalam ASEAN juga ahli Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), jadi suara ASEAN lebih kuat dalam menyampaikan pandangan kepada kuasa besar ekonomi.

"Kita perlu ingat, tiada siapa akan dengar pandangan kita kecuali kita mempunyai kekuatan, kekayaan dan berkuasa. Oleh demikian, adalah lebih baik ASEAN diwakili satu suara dan setiap kali menghadiri pelbagai forum, perlu membuat satu ketetapan khusus," katanya.

Perdana Menteri juga mengajak ASEAN memanfaatkan 650 juta penduduk di rantau ini yang mewujudkan pasaran domestik besar, sekali gus dapat membantu industri negara anggota, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serantau berkembang.

Beliau memberi contoh bagaimana China boleh menjadi kuasa besar ekonomi kerana memanfaatkan keperluan dan kehendak pasaran domestik negara itu menerusi 1.4 bilion rakyatnya.

"Menerusi Revolusi Industri 4.0 dan era teknologi digital ketika ini, lebih mudah untuk mengurus niaga. Pihak kerajaan perlu mempromosi serta menentukan hala tuju bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi seran-

tau," katanya.

Semalam, Dr Mahathir turut meluangkan kira-kira 40 minit melawat pameran Malaysia di Pusat Pameran Komuniti ASEAN, bertemakan 'ASEAN STYLES: Sharing the Future' yang dianjurkan Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Thailand sehingga esok.

Sebanyak 17 syarikat dari Malaysia menyertai pameran sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 itu, antara lain mempamerkan produk kraftangan seperti piuter, batik, songket, makanan serta perkakasan dan kelengkapan rumah.

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dalam satu kenyataan, memalumkan perbadanan itu dan Tourism Malaysia memanfaatkan kehadiran ribuan delegasi sidang kemuncak ASEAN bagi mempromosi produk dan perkhidmatan dari Malaysia.

"MATRADE menerusi pejabat di Bangkok, membantu mempamerkan pelbagai produk buatan negara kita, manakala Tourism Malaysia pula mempromosi 'Tahun Melawat Malaysia 2020,'" katanya.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir menghadiri sesi pleno membincangkan agenda serantau dalam memajukan kerjasama untuk kemampanan, hubungan luar dan hala tuju ASEAN serta isu-isu serantau dan antarabangsa.

Beliau kemudian mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan-ocha sebelum hadir menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) di antara ASEAN dan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).